

BAHAGIAN C

SOALAN 14 HINGGA 23

Pilih jawapan yang tepat dan tuliskan huruf sama ada A, B, C atau D ke dalam petak jawapan yang disediakan.

14. "Wah, cantiknya permalsuri itu! Wajah _____ secantik bulan purnama", kata Sarimah.
- A. baginda
B. patik
C. beta
D. hamba
15. "Saya akan mengambil tindakan _____ pelajar yang ponteng sekolah itu," Kata pengetua.
- A. melalui
B. terhadap
C. daripada
D. jika
16. Kapal terbang itu selamat _____ di Lapangan Terbang Asia tersebut.
- A. mendarat
B. menjunam
C. melayari
D. menyelam
17. Kereta yang dipandu laju itu telah _____ dan melanggar penghalang di kiri jalan tersebut.
- A. terhempas
B. terseret
C. terbabas
D. terhumban
18. Ibu Zainab merebus ubi itu sehingga _____.
- A. empuk
B. lembik
C. lembut
D. list
19. Sejak kehilangan kedua ibu bapanya, Nazmi tidak tahu _____ siapa hendak menumpang kasih.
- A. arah
B. kepada
C. dari
D. dengan

20. Pilih ayat yang mengandungi kata kerja tak transtif.

- A. Kakak memotong kek itu kepada beberapa bahagian.
- B. Ghani menyiapkan kerja sekolah yang disuruh oleh Cikgu Arfan.
- C. Pakcik Alim telah meracun rumput di kebun.
- D. Setiap hari Si Comel duduk di muka pintu menunggu adik pulang dari sekolah.

☐

21. Pilih ayat yang mengandungi kata penguat adjektif.

- A. Kapal pelancong Princess Sapphire belayar merentasi Laut China Selatan.
- B. Tiana memakai pakaian yang tebal kerana cuaca di tempat itu sangat sejuk.
- C. Taman Tasik Serubing itu tidak jauh dari kampung saya.
- D. Mahari suka memakai baju berwarna hijau.

☐

22. Pilih ayat perintah yang menyatakan maksud suruhan.

- A. Jemput datang ke rumah kami, jangan segan-segan.
- B. Tolong tanamkan bunga-bunga ini ke dalam pasu.
- C. Masukkan buku-buku lama ini ke dalam kotak.
- D. Jangan engkau kenang lagi peristiwa itu.

☐

23. Encik Irwan menghadiahkan _____ subang bertatahkan berlian kepada isterinya sempena ulangtahun perkahwinan mereka.

- A. sebuah
- B. sebertuk
- C. sepucuk
- D. sepasang

☐

[10 markah]

SOALAN 24

Pilih ayat atau ayat-ayat yang menggunakan perkataan bercetak tebal dengan betul.

24. I. Ayah akan bertolak **dari** Johor esok.
II. Surat yang baru sahaja diterima ini **dari** kakak.
III. Pakcik Ahmad membanting tulang di sawahnya **dari** pagi hingga ke petang.
IV. Locket ini diperbuat **dari** kristal Swarovski

- A. I dan II sahaja
- B. II dan IV sahaja
- C. III dan II sahaja
- D. I dan III sahaja

☐

[1 markah]

SOALAN 25 HINGGA 26

Ayat yang bergaris ini mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin betul. Jika kamu menganggap bahawa bahasa bahagian yang bergaris itu salah dan perlu diubah, kamu hendaklah menandakan sama ada A, B atau C. Sebaliknya, jika kamu menganggap betul tandakan D.

25. Di hari minggu yang lalu, kami sekeluarga telah pergi berkelah di Pantai Seri Kenangan,
A B C
Tutong. Tiada kesalahan. ☐

26. Farhan menonton orang tua yang buta itu melintas jalanraya. Tiada kesalahan.
A B C D ☐

[2 markah]

SOALAN 27 HINGGA 28

Pilih jawapan yang sesuai bagi menggantikan ayat yang bergaris dalam soalan-soalan berikut.

27. Banyak orang suka membeli-belah di pasar raya itu.

- A. Kebanyakan orang suka membeli-belah.
B. Sesetengah orang gemar membeli-belah.
C. Ramai orang suka membeli-belah.
D. Ramai orang-orang suka membeli-belah. ☐

28. Masalah ponteng sekolah dalam kalangan pelajar bukan adalah perkara baru.

- A. bukanlah perkara-perkara baru.
B. bukanlah perkara pembaharuan.
C. bukanlah perkara baru.
D. bukanlah adalah perkara baru. ☐

[2 markah]

SOALAN 29 HINGGA SOALAN 38

Berikan imbuhan yang sesuai pada perkataan dalam kurungan di bawah supaya menjadi karangan yang lengkap.

Pakar 29 _____ (ubat) sepatutnya mengakui bahawa telur adalah 30 _____ (makan) yang lengkap dan tinggi 31 _____ (kandung) protein, lemak, vitamin dan zat galian serta lain-lain unsur yang 32 _____ (perlu) oleh tubuh badan. Ia amat sesuai dimakan bagi 33 _____ (tambah) kekuatan badan dan menjaga kesihatan kerana 34 _____ (kandung) kalsium karbonat, magnesium, zat besi, sulfur dan fosforus. Allah Subhanahu Wa Ta'ala 35 _____ (jadi) komposisi telur amat unik sekali. Walaupun berada di dalam bekas kulit telur yang bulat sejak di dalam Rahim ibu, ia 36 _____ (punya) dua bahagian yang 37 _____ (pisah) iaitu putih telur dan kuning telur di samping mempunyai fungsi yang 38 _____ (beza) pula.

[10 markah]

SOALAN 39 HINGGA SOALAN 43

Kenalpasti **Subjek** dan **Predikat** bagi ayat-ayat di bawah, kemudian nyatakan **Pola Ayat** bagi ayat-ayat tersebut.

39. Rahman meminta Darwin menolongnya mengangkat kotak-kotak itu ke dalam kereta.

Subjek: _____

Predikat: _____

Pola Ayat: _____

40. Rumah besar yang baru siap dibina itu akan disewakan.

Subjek: _____

Predikat: _____

Pola Ayat: _____

41. Anak-anak kucing itu sangat comel.

Subjek: _____

Predikat: _____

Pola Ayat: _____

[6 markah]

Tukarkan **Ayat Aktif** di bawah ini menjadi **Ayat Pasif**.

42. Lima orang lelaki bertopeng melarikan wang berjumlah \$5 juta daripada kedai emas itu.

43. Kami membincangkan isu tersebut dengan panjang lebar.

[4 markah]